

Warga UMP bantu sumbang keperluan bekalan tabung darah HTAA



Pekan, 23 Februari – Pusat Kesihatan Pelajar (PKP) dengan kerjasama Hospital Tengku Ampuan Afzan menganjurkan kempen derma darah yang berlangsung di Pusat Aktiviti Pelajar (PAP), UMP Pekan bermula pada jam 9 pagi sehingga 5 petang baru-baru ini.

Menurut Ketua Pusat Kesihatan Pelajar (PKP), Dr. Khairul Salleh Abdul Basit, program yang dianjurkan pihaknya melibatkan kedua-dua kampus ini akan diadakan sekurang-kurangnya enam hingga tujuh kali setahun dalam usaha membantu bekalan tabung darah Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA).



"Program ini dapat memupuk kesedaran kepada kalangan warga universiti tentang kepentingan menderma darah dan menjadikan sebagai amalan membantu mereka yang memerlukan. Usaha ini dilihat dapat menangani masalah kekurangan darah dalam tabung darah hospital," katanya.

Sementara itu jururawat PKP, Fazliza Pekri berkata, penderma juga akan berasa lebih sihat berbanding sebelumnya kerana sel-sel darah yang baharu akan dihasilkan untuk menggantikan darah yang telah didermakan itu.



Selain pelajar dan staf, program ini juga memberi peluang orang awam hadir menderma dan memberi sokongan menjayakan kempen. Penderma diberikan hadiah saguhati, merit dan sijil bagi merangsang mereka untuk terus menyokong program sebegini.

Program ini juga memberi manfaat kepada warga universiti membuat pemeriksaan secara percuma bagi tekanan daran, kandungan gula dan analisis berat jisim badan (BMI) yang ideal.



Pengunjung yang hadir turut berpeluang mendapatkan maklumat kesihatan termasuk pengesanan awal penyakit, meningkatkan tahap kesihatan kepada tahap yang lebih baik serta mengurangkan risiko kepada penyakit yang merbahaya.

Berita disediakan oleh Norhidayah Mohamad dan gambar oleh Naufal Samsuddin Suntingan oleh Bahagian Komunikasi Korporat PNC.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 29-02-2016, 14:30:06